

CNS6412

U GB 07-03 00146 BH871

bah

SYARIKAT DIPELAWA TUBUH INDUSTRI PENERBANGAN DI LANGKAWI

Mahathir - Penerbangan

LANGKAWI, 7 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mempelawa lebih banyak syarikat menubuhkan industri berasaskan penerbangan di Pulau Langkawi kerana ia merupakan tempat yang sesuai.

Katanya taraf kedudukan Langkawi sebagai kawasan bebas cukai menjadikan kos pengeluaran di situ rendah.

Dr Mahathir berkata demikian ketika merasmikan penubuhan Sekolah Penerbangan Mofaz Air di Lapangan Terbang Antarabangsa Langkawi di Padang Matsirat di sini.

Beliau menyambut baik penubuhan sekolah penerbangan itu kerana ia merupakan satu keperluan yang sangat penting di rantau Asia Tenggara dan Asia Pasifik.

Katanya, ini kerana perkembangan ekonomi berlaku paling pesat bagi negara-negara di Asia Tenggara dan Asia Timur atau di lembangan Pasifik dan pertumbuhan pesat ini akan menyebabkan lebih banyak juruterbang diperlukan pada masa depan. -- Lagi

▼07/03/18-36MST

CNS6415

U GB 07-03 00123 BH872

bah

Mahathir - Penerbangan 2 Langkawi

Dr Mahathir berkata penubuhan sekolah itu juga bersesuaian dengan keperluan negara yang kini kekurangan sekolah penerbangan untuk melahirkan juruterbang komersil.

Katanya, Malaysia pada masa ini hanya mempunyai sebuah sekolah penerbangan swasta, iaitu Akademi Penerbangan Malaysia, tetapi bilangan pelatih yang dikeluarkan oleh akademi itu tidak mencukupi bagi keperluan negara.

Sungguhpun kelab-kelab penerbangan ada menawarkan latihan penerbangan tapi latihannya tidak memenuhi syarat mengeluarkan juruterbang komersil, kata beliau.

+Kerana itu, kita terpaksa menghantar pelatih-pelatih ke luar negeri dan ini memerlukan belanja yang amat tinggi,+ kata Dr Mahathir.

Beliau berharap Sekolah Penerbangan Mofaz Air akan dapat mengambil ramai pelatih dari dalam dan luar negeri, terutama dari Asia. -- Lagi

▼07/03/18-38MST

CNS6418

U GB 07-03 00155 BH873

bah

Mahathir - Penerbangan 3 Langkawi

Dr Mahathir juga berharap Sekolah Penerbangan Mofaz Air dapat menjadi sebuah pusat latihan jurutebang yang terkenal di dunia.

Katanya, selain kos yang rendah, lapangan terbang di sini menyediakan kemudahan yang lengkap dan kurang sibuk menjadikan ia sangat sesuai sebagai tempat latihan.

Bagaimanapun, Perdana Menteri meminta semua pihak di pulau ini terutama para peniaga supaya memastikan kos di sini tidak meningkat terlalu tinggi kerana itu boleh menggagalkan usaha kerajaan hendak menarik pelaburan dalam industri itu.

Terdahulu itu, Presiden Mofaz Air Sdn Bhd, Haji Mohamad Fauzi Abdul Hamid, yang juga Pengerusi Eksekutif Mofaz Group berkata, perancangan untuk menubuhkan sekolah itu telah dibuat lebih awal daripada Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi (LIMA '91) yang lepas.

Katanya, sekolah itu merupakan pusat latihan penerbangan yang pertama ditubuhkan di rantau ini dengan secara bergabung dengan pusat latihan sebuah negara barat. -- Lagi

▼07/03/18-43MST

CNS6419

U GB 07-03 00113 BH874

bah

Mahathir - Penerbangan 4 (akhir) Langkawi

Mofaz Air yang mengusahakan sekolah itu dengan bergabung dengan Cessna Pilot Training Centre, Amerika Syarikat, berharap usaha itu akan memastikan pemindahan teknologi yang berterusan.

Selain sekolah penerbangan, Mofaz air juga bercadang untuk memperluaskan perniagaannya dalam bidang sewa khas udara dan kargo udara.

Syarikat itu akan membina sebuah kompleks bangunan sekolah dan asrama di kawasan seluas 12 hektar berhampiran lapangan terbang itu untuk kemudahan para pelatuhnya.

Dr Mahathir, yang tiba dengan pesawat +Beechcraft Starship+, kemudian menaiki helikopter tanpa kipas ekor jenis +MDM-20-N+ keluaran syarikat McDonnell Douglas, Amerika Syarikat, yang mempamerkan kebolehannya sempena perasmian itu. -- Bernama

—▼07/03/18-43MST